

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

QL Farms Sdn Bhd (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Tawau bagi dua pertuduhan iaitu di bawah subseksyen 37(12)(a) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan menjalankan kerja pembaikan parit berhampiran pemasangan elektrik milik SESB tanpa kebenaran yang sah dan di bawah subseksyen 33(D) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kegagalan untuk memastikan kerja pembaikan parit berhampiran pemasangan elektrik dijalankan tanpa menyebabkan kecederaan. Pada 17 Mei 2024, OKS telah mengaku bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan dan Mahkamah Sesyen Tawau telah menjatuhkan hukuman denda RM20,000.00 bagi pertuduhan pertama dan denda RM10,000.00 bagi pertuduhan kedua. OKS telah membayar denda-denda tersebut.